

Bomba Selangor selamat harta benda RM29.54b tahun lalu

Shah Alam: Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor menyelamatkan hartanah dan harta benda berjumlah RM29.54 bilion daripada terbakar, sepanjang tahun lalu.

Ia adalah peningkatan besar berbanding nilai hartanah dan harta benda yang berjaya diselamatkan pada 2016 (RM21.13 bilion); 2015 (RM7.49 bilion) dan 2014 (RM5.438 bilion).

Pengarahnya, Azmi Osman, berkata kejayaan itu disumbangkan beberapa faktor, termasuk kecekapan anggota serta peningkatan tahap kesedaran dalam kalangan orang awam.

"Statistik menunjukkan hartanah dan harta benda bernilai RM29.54 bilion berjaya diselamatkan di antara Januari hingga Disember 2017, berbanding nilai kerugian sebanyak RM796 juta akibat kebakaran se-



Kejayaan itu disumbangkan beberapa faktor, termasuk kecekapan anggota serta peningkatan tahap kesedaran dalam kalangan orang awam"

Azmi Osman,
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor

panjang tempoh sama.

Kecekapan operasi pemadaman

"Kejayaan ini boleh dikaitkan dengan kecekapan operasi pemadaman oleh anggota bomba kami, yang berjaya mengawal kebakaran dengan cepat sebelum ia merebak.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pasukan bomba komuniti dan sukarela di Selangor, yang bekerja keras memberikan kesedaran kepada orang awam mengenai keselamatan kebakaran, selain tindakan awal mereka dalam menangani kes kebakaran.

"Selain itu, sokongan kerajaan terhadap jabatan ini melalui perolehan aset, tenaga kerja mencukupi dan latihan pada peringkat ibu pejabat kepada anggota," katanya ketika dihubungi.